



16 SEP, 2025

Bekalan elektrik di pantai timur Sabah pulih sepenuhnya



Utusan Malaysia, Malaysia

Bekalan elektrik di pantai timur Sabah pulih sepenuhnya

KOTA KINABALU: Gangguan elektrik di Sandakan sejak Sabtu lalu yang menjelaskan 230,000 pengguna di pantai timur Sabah pulih sepenuhnya petang kelmarin selepas usaha pembaikan dilaksanakan secara berperingkat oleh Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB).

Ketua Pegawai Eksekutif SESB, Datuk Mohd. Yaacob Jaafar berkata, gangguan berlaku selepas kejadian tanah runtuh menyebabkan salah satu menara penghantaran talian 275 kilovolt (kV) Kolopis-Segaliud tumbang berhampiran Kampung Sarapung, Penampang.

“Insiden pada pukul 5.05 petang Sabtu itu menjelaskan penghantaran tenaga dari pantai barat ke pantai timur Sabah, melibatkan kira-kira 230,000 pengguna di enam daerah iaitu Sandakan, Lahad Datu, Kunak, Semporna, Beluran dan Kinabatangan.

“Hujan lebat berterusan sejak beberapa hari lalu telah mengakibatkan tanah runtuh

“Insiden pada pukul 5.05 petang Sabtu itu menjelaskan penghantaran tenaga dari pantai barat ke pantai timur Sabah.”

dan menumbangkan menara berhampiran Pencawang Masuk Utama (PMU) Kolopis yang menjadi laluan utama tenaga dari Kinabatangan dan Sepanggar,” katanya dalam kenyataan.

Mohd. Yaacob berkata, kerrosakan struktur menara menyebabkan kehilangan kapasiti bekalan sebanyak 242 megawatt.

Katanya, pasukan teknikal cuba menghidupkan semula talian dua kali, namun gagal kerana kerosakan terlalu serius.

“Kita melaksanakan tiga langkah segera iaitu ‘bypass’ sementara untuk mengalihkan bekalan terus dari Kimanis ke Sandakan dalam tempoh dua hari, pembinaan menara kecemasan atau ERS (emergency restoration system) dalam tempoh lapan hari bagi kestabilan sistem serta penggantian menara kekal yang dijangka siap dalam tempoh tiga bulan.

“Dalam tempoh dua hari pertama, kira-kira 70,000 pengguna di pantai timur terlibat dengan penjadualan bekalan secara bergilir terutama ketika waktu puncak. Bekalan akan lebih stabil apabila ERS beroperasi,” katanya.

Beliau berkata, sistem grid dibahagikan kepada dua zon iaitu Sandakan Island (Kinabatangan dan Beluran) serta Tawau Island (Lahad Datu, Kunak, Semporna dan Tawau) dengan mengaktifkan stesen jana kuasa tempatan termasuk *independent power producer* (IPP), namun kapasiti kekal terhad.